

28/09/2003

Simbolik tepak sirih di PBB

Hafifi Hafidz

MENGUNYAH daun sirih adalah satu kebiasaan yang digemari pelbagai bangsa di Malaysia terutama pada zaman dulu. Tidak terhad kepada orang Melayu, sirih yang dicampur kapur, gambir, pinang serta limau juga digemari oleh orang India, Iban, Melanau, Kadazan, Orang Ulu serta pelbagai keturunan pribumi di Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

Walaupun amalan itu semakin pupus sejak tahun 70-an kerana sikap tidak kisah generasi kini, ia tetap menjadi satu peninggalan turun-temurun terutama dalam istiadat tertentu di negara ini. Bagi orang Melayu, tepak sirih masih kekal sebagai satu istiadat yang menggambarkan seribu pengertian.

Lantaran itu, hari ini ia masih disanjung sebagai satu daripada adat kebesaran Raja Melayu di samping digunakan dalam pelbagai upacara penting yang menghimpun keakraban masyarakat kita. Ia juga satu manifestasi cara orang kita mengalu-alukan kedatangan tetamu serta memberi layanan terbaik kepada mereka.

Umpama tidak cukup syarat jika sesuatu majlis memining dan hantaran bagi bakal pengantin tanpa kehadiran tepak sirih. Majlis yang secara langsung memartabatkan tepak sirih itu bukan saja simbol yang menjalinkan hubungan kasih dua insan sehingga membawa ke jinjang pelamin tetapi juga lambang mengeratkan lagi perpaduan.

"Ribuan terima kasih". Demikian kata-kata balas yang diucapkan dalam bahasa Melayu oleh Setiausaha Agung PBB, Kofi Annan sebaik menerima arca tepak sirih daripada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di ibu pejabat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di New York, Khamis lalu.

"Saya tidak dapat memikirkkan cenderahati yang lebih baik daripada tepak sirih ini yang sesungguhnya satu mesej yang paling jelas dihantar oleh Malaysia terutama ketika masyarakat dunia mengalami satu keadaan sukar dalam hubungan sesama mereka," kata Annan.

Tambah beliau, penyerahan tepak sirih itu juga mencerminkan suara Malaysia sebagai negara berkecuali dan membangun yang tidak jemu-jemu menjadi penganjur memberi kesedaran kepada masyarakat dunia.

Pada majlis penyerahan itu, Dr Mahathir berkata, tepak sirih itu adalah satu simbol diplomasi, dialog, persahabatan dan kerjasama sejagat. Selain simbol untuk Malaysia, ia juga wajar melambangkan ketegasan PBB terutama dalam menghadapi pelbagai cabaran yang dihadapi dunia sekarang.

Tepak sirih emas dan perak itu yang konsep serta reka bentuknya dihasil oleh Henry Bong LH dibuat mengikut inspirasi daripada Empayar Johor Riau abad ke-17. Manakala ukiran panel kayunya adalah dari Kelantan, inspirasi abad ke-19.

Tepak itu mempunyai 14 cembul yang juga diperbuat daripada emas dan perak. Ia juga dilengkapi sebilah kacip perak. Tepak itu ditutup dengan sebetuk pending emas 18 karat bertatah zamrud, batu permata merah, batu nilam, jed dan berlian.

Setiap penjuru tepak itu berdiri tegak empat bilah keris Melayu lama serta bersarung yang diperbuat daripada perak. Ia adalah Keris Semenanjung, Parang Ilang, Tumbuk Lada dan Keris Tanjung.

Lapiknya pula dibuat daripada kayu meranti. Arca tepak sirih itu juga dihiasi dengan lambang 13 negeri dan satu lambang Wilayah Persekutuan.

Keris Semenanjung adalah warisan tinggalan yang dikaitkan dengan kawasan Tengah negeri Melayu, Johor, Riau dan Jawa manakala parang Ilang menggambarkan warisan Melayu Sabah dan Sarawak. Tumbuk Lada pula ada hubungannya dengan peninggalan negeri Melayu di utara iaitu Kedah, Perlis serta Aceh. Keris Tanjung pula warisan Kelantan, Terengganu dan Pattani Arca itu dibuat oleh Pucuk Rebung Royal Gallery Museum.

Sejak Malaysia diterima sebagai anggota PBB pada 17 September 1957,

tahun ini adalah kali ke-46 delegasi Malaysia menghadiri perhimpunan agung itu. Beberapa negara anggota lain sudah menyampaikan hadiah mereka.

Sesungguhnya, pemberian cenderahati perhimpunan ke-58 kali ini adalah menggambarkan betapa Malaysia tetap menyokong PBB di sebalik suara lantang pemimpin kita berikutan hala tuju PBB mula menyimpang.

Seperti kata Dr Mahathir, sebagaimana pentingnya tepak sirih dalam majlis berbual mesra, perkahwinan perbincangan upacara di istana, perjumpaan masyarakat kampung dan di rumah ketika dikunjungi tamu, begitulah pentingnya peranan PBB. Malangnya, PBB sudah hilang arah tuju dan ini diakui oleh Annan.

Menurut Dr Mahathir, tepak sirih yang dihasilkan di Malaysia juga mencerminkan semangat perpaduan dan harmoni yang wujud di kalangan masyarakat pelbagai etnik dan budaya. Gabungan empat bilah keris Melayu yang bersarung melambangkan hasrat rakyat Malaysia yang sentiasa mahu dan mengekalkan keamanan.

Adalah menjadi harapan kita cenderahati ini akan terus menjadi simbol betapa komitednya sokongan Malaysia terhadap PBB. Kita berharap

setiap pengunjung yang datang ke pejabat PBB akan dapat merasakan dan menyelami betapa tingginya kesungguhan Malaysia mahu melihat suasana harmoni dunia.

Cenderahati negara-negara anggota lain yang sudah disampaikan kepada badan dunia itu akan kekal berada di ibu pejabat PBB di New York. Tepak sirih Malaysia juga akan kekal di situ. Batu-batu permata di tepak sirih itu akan terus berkilauan, emasnya akan indah bersinar manakala empat kerisnya akan terus tegak berdiri.

Itulah simboliknya cenderahati Malaysia kepada PBB. Kekalnya tepak itu di PBB, kekal jugalah sifat pemimpin kita untuk menyuarakan apa juga dilihat dan dirasakan yang tidak betul di PBB. Jika PBB sudah hilang pedoman, seperti kata Dr Mahathir, sesat di hujung jalan, pulang ke pangkal jalan.

Seperti mana kita sering menerima kritikan sama ada diperlukan atau tidak, kita juga berharap pihak lain juga sanggup menerima kritikan terhadap mereka. Kebebasan bersuara akan lebih bermakna jika kritikan bukan saja boleh ditujukan kepada negara lemah dan miskin tetapi akur juga didengar oleh negara kuasa besar.

Bagi Malaysia, apa yang berlaku di PBB boleh berubah dan diseragamkan jika ia tidak hanya mengikut kehendak dan amalan Barat. Demokrasi tidak akan ada di PBB walaupun 100 anggota dipilih duduk dalam Majlis Keselamatan selagi bantahan sebuah negara menundukkan semua yang lain.

PBB hanya akan mengalami perubahan besar jika kuasa besar Barat sanggup menanggalkan topi untuk turut sama berubah.